

## Keperluan Amalan *Mu'aqabah* dalam Rumah Tangga

*The Need of Mu'aqabah in Marriage Life*

Nurul Hanis Sufia Othman\*, Noonajihan Jaafar dan Ahmad Kamel Mohamed

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan

\*e-mail: [hanis.sufia92@gmail.com](mailto:hanis.sufia92@gmail.com)

**Published:** 16 November 2023

**To cite this article (APA):** Othman, N. H. S., Jaafar, N., & Mohamed, A. K. (2023). Keperluan Amalan *Mu'aqabah* Dalam Rumahtangga. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15(2), 10–21. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.2.2.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.2.2.2023>

### Abstrak

Keharmonian dalam berumah tangga merupakan salah satu aspek penting dalam membentuk keperibadian seseorang. Pasangan yang ideal dan sempurna adalah impian setiap individu. Walau bagaimanapun, asam garam dalam hubungan suami isteri tidak lain dan tidak bukan menjadi satu lumrah yang perlu dihadapi. Setiap tingkah laku dan bahasa pertuturan ialah elemen yang sangat penting untuk dititikberatkan kerana disitulah bermulanya pembinaan hubungan yang baik. Perkara ini bukan sahaja mustahak bagi mengekalkan kemanisan hubungan suami isteri, bahkan ianya menjadi contoh tauladan untuk anak-anak yang saban hari berlegar-legar dalam rumah yang sama dan memerhatikan setiap situasi yang berlaku antara ibu bapa mereka. Justeru, bagi memastikan kelestarian dan atmosfera yang mendamaikan untuk seisi rumah, langkah yang betul perlu diamalkan sehingga setiap permasalahan dan kesilapan menjadi asbab kepada pembentukan akhlak yang murni serta dapat menyelesaikan pergolakan yang melanda. Melalui konsep *hisbah* yang dibawa oleh al-Ghazali, kajian ini menjadi satu elemen yang kurang diangkat sebagai amalan yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan berumah tangga, iaitu konsep *mu'aqabah*. Kajian ini menggunakan dua pendekatan dalam pengumpulan data iaitu dokumen analisis dan temubual. Dua buah kitab yang dipilih sebagai sumber data ialah *Siyar 'Alam an-Nubala'* dan *Faslu al-Khattab fi az-Zuhdi wa ar-Raqaiq wa al-Adab*. Kajian lapangan turut dilakukan dengan menemu bual enam orang pegawai runding cara di enam buah pejabat agama negeri Kelantan. Kajian ini dibuat bagi menganalisis pengetahuan mereka tentang konsep *mu'aqabah* dan dijadikan bahan kaunseling dalam sesi runding cara kerana pegawai-pegawai runding cara perkahwinan mempunyai pengalaman yang luas dalam memberikan khidmat kaunseling kepada suami isteri yang menghadapi masalah dalam perkahwinan mereka. Hasil kajian mendapati bahawa pegawai-pegawai rundingcara bersetuju, sekiranya konsep ini diterapkan dalam kehidupan berumah tangga dan konsep ini ternyata diguna pakai secara tidak langsung oleh pegawai runding cara dalam sesi khidmat nasihat yang diadakan di pejabat agama daerah masing-masing.

**Kata Kunci:** Rumahtangga, *Hisbah*, *Mu'aqabah*, Pegawai Rundingcara

### Abstract

Harmony in marriage is one of the important aspects in shaping a person's personality. Having an ideal and perfect partner is everyone's dream. However, inconsistency in a husband-wife relationship are nothing more than a natural thing that needs to be faced. Each aspect of behaviour and speech are very important because it is the basis of a good relationship. This is not only important to maintain a good relationship between husband and wife, but also as a role model for the children who are always observing their parents. Thus, in order to ensure sustainability and a peaceful atmosphere for the whole family, proper steps need to be practiced so that every problem and mistake can be resolved peacefully. Through the concept of *hisbah* brought by al-Ghazali, the writer has studied an element that is not a well-known practice that can be implemented in married life, which is the

concept of mu'aqabah. This study uses document analysis and interviews for data collection. Two books had been chosen which are Siyar 'Alam an-Nubala' dan Faslu al-Khattab fi az-Zuhdi wa ar-Raqaiq wa al-Adab. The researcher also interviewed six marriage consultation officers in six Islamic district offices in Kelantan. The research was conducted to analyse their knowledge of the concept of mu'aqabah and whether they are using this concept during marriage counselling since they have extensive experience in providing counseling services to husbands and wives who are facing problems in their marriages. The results of the study found that all the consultation officers agreed that this concept should be implemented in marriage life and this concept also was indirectly implemented by consultation officers in counseling sessions held in their respective district religious offices.

**Keywords** Marriage, Hisbah, Mu'aqabah, Consultation Officers

## PENDAHULUAN

Hisbah merupakan perkataan yang ringkas tetapi mengandungi konsep yang sangat bermakna untuk diamalkan oleh semua umat Islam di dunia. Ia juga amat baik untuk diamalkan dalam segenap aspek kehidupan. Konsep menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran ini sering dibincangkan dalam kalangan ulama untuk pembangunan insan (Al-Ghazali, 1968). Oleh kerana itu, konsep ini dilihat penting untuk dilaksanakan dalam pengurusan, perniagaan, politik, dan juga kaunseling.

Terdapat enam elemen utama dalam hisbah iaitu *musyaratah*, *muraqabah*, *muhasabah*, *mu'aqabah*, *mujahadah*, dan *mu'atabah* (Al-Ghazali, 1968; Mardzelah Makhsin; 2008; Ahmad Bashir Aziz, 2015). Elemen-elemen ini dikenali sebagai *murabathah al-nafs* oleh Fathiyah Mohd Fakhruddin dan Asmawati Suhid (2017) dan dikenali sebagai *self-hisbah* oleh Mardzelah Makhsin et al. (2012). Kajian ini memfokuskan kepada elemen hisbah yang keempat ialah *mu'aqabah*. Secara istilahnya *mu'aqabah* bermaksud proses menghukum diri atas kekurangan amalan kebaikan yang dilaksanakan dan bertegas dengan diri sendiri agar tidak terjerumus ke lembah dosa (Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid, 2016).

Konsep *mu'aqabah* ini berlandaskan amalan yang dipraktikkan oleh para sahabat Rasulullah SAW (Al-Ghazali, 1998). Jika menyelusuri kitab hadis, kita tidak akan menemui amalan *mu'aqabah* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW kerana Baginda merupakan insan yang sempurna, bersih daripada sebarang dosa yang jelas dan tersembunyi. Sebarang kesilapan akan segera ditegur oleh Allah SWT dan—menjadi bukti kepada kesempurnaan keperibadian Rasulullah SAW. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (2019), konsep *mu'aqabah* adalah berpandukan kepada hukum pengaplikasian qisas sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran iaitu:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَاةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

**Terjemahan:** “Dan dalam hukuman qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertakwa.” (Al-Baqarah: 179)

Berpandukan ayat di atas, konsep *mu'aqabah* dilihat mempunyai persamaan dengan hukuman *qisas*, iaitu bagi memastikan seseorang itu tidak mengambil remeh dengan perbuatannya, sama ada apabila telah melakukan kesalahan bahkan hanyalah disebabkan keurangan dalam melakukan amalan (Abdullah Nasih Ulwan, 2019). Praktikal ini dilakukan bagi menjamin seseorang menganggap dosa yang dilakukan adalah besar dan mendorong dirinya untuk menghukum diri sendiri bagi meninggalkan kemaksiatan tersebut secara kekal.

Hukuman ini pastilah bukan sesuatu yang sia-sia kerana ia mampu menjadi benteng daripada terjebak ke lembah dosa, bahkan menanam sifat kehambaan, rasa takut kepada Pencipta dan seterusnya dapat meraih kehidupan yang penuh keberkatan. Walau bagaimanapun, Islam jelas sekali mencegah hukuman yang ekstrim seperti membakar diri dengan api, tidak makan dan minum sehingga memudaratkan diri serta mandi junub secara terbuka de lapangan pada hari yang sejuk (Abdullah Nasih

Ulwan, 2019). Hukuman ataupun denda yang dilakukan terhadap diri sendiri hendaklah tidak bercanggah dengan tegahan dan larangan sebagaimana yang telah termaktub dalam al-Quran:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Terjemahan: Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) ugama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

(Al-Baqarah; 195)

Elemen *mu'aqabah* wujud bertujuan untuk memastikan manusia menjadi insan yang berjaya di dunia dan akhirat serta sebarang masalah yang berlaku dalam kalangan mereka dapat diselesaikan (Ahmad Bashir Aziz, 2015). Apabila seseorang melakukan kesilapan, dia akan menghukum dirinya dengan apa-apa jenis hukuman yang dibenarkan dalam Islam untuk menyedarkan mereka akan kesilapan yang dilakukan dan berusaha untuk menebusnya. Konsep *mu'aqabah* bertitik tolak daripada hukum *qisas* sebagaimana yang dinukilkan oleh Nasih 'Ulwan (2019). Secara asasnya, hukum *qisas* adalah untuk menuntut keadilan bagi mangsa agar hukuman yang dirasakan oleh pelaku setimpal dengan perbuatannya seperti cedera dibalas cedera kerana telah berlakunya kemudaratan berbentuk fizikal (Mizan Adiliah et al., 2012).

Setiap hukuman dalam Islam pastinya terkandung hikmah yang besar. Manusia hanya akan benar-benar menjiwai sesuatu jika dia merasakannya sendiri. Begitulah juga apabila seseorang dihukum dengan hukuman yang sama dengan perbuatannya. Pelaku akan merasakan perkara yang sama. Si pelaku juga berpeluang menyucikan diri daripada dosa tersebut daripada dihisab di hari akhirat kerana dia telah menebusnya di dunia (Mizan Adiliah et al., 2012).

Begitu juga dengan konsep *mu'aqabah*, hukuman yang dikenakan bukanlah disifatkan sebagai tindakan negatif tetapi salah satu cara untuk mendidik diri dan nafsu agar sering berwaspada dengan segala tindakan yang dilakukan. Para sahabat mengamalkan *mu'aqabah* bagi memastikan mereka tidak membiasakan diri meninggalkan amalan sunat seperti solat berjemaah, melewatkan solat dan mengikot emosi marah yang membawa kepada keburukan (Muhammad Nasruddin, 2010).

## AMALAN MU'AQABAH PARA SAHABAT

Terdapat beberapa amalan *mu'aqabah* yang dipraktikkan oleh para sahabat yang boleh dijadikan panduan oleh umat Islam. Perkara ini penting untuk diketahui bagi mendidik hati untuk mengikot tauladan yang baik kerana iman para sahabat sangat tinggi. Para sahabat sentiasa berdamping dengan Rasulullah SAW dan berusaha untuk mencontohi setiap amalan dan perilaku Rasulullah SAW. Mereka hidup pada zaman baginda SAW dapat dikatakan bahawa kekuatan Islam sangat jitu dengan sikap sentiasa berlumba untuk menjadi yang terdekat dengan Allah SWT dengan meningkatkan amalan dan berusaha membaiki segala kelompongan amalan.

Perkataan atau perbuatan yang dilakukan oleh sahabat Rasulullah SAW dikenali sebagai *athar*. Bagi mencari amalan *mu'aqabah* oleh para sahabat, penulis telah mendalami dua buah kitab, iaitu *Faslu al-Khattab fi az-Zuhdi wa ar-Raqaiq wa al-Adab* dan *Siyar an-Nubala'*. Beberapa amalan yang dilakukan oleh mereka seperti memberi sedekah, beribadah sepanjang malam, memerdekakan hamba dan berpuasa. Amalan-amalan yang dilakukan semestinya merupakan amalan keagamaan dalam Islam sebagai salah satu cara untuk membersihkan hati dan meninggalkan kelazatan dunia.

## Bersedekah

عاقب عمر بن الخطاب نفسه حين فاتته صلاة العصر في جماعة بأن تصدق بأرض كانت له قيمتها مائتا ألف درهم

(Muhammad Nasruddin, 2010)

**Terjemahan:** Suatu ketika Saidina Umar terlambat menunaikan solat Asar secara berjemaah. Oleh itu, dia telah menjatuhkan hukuman ke atas dirinya dengan menyedekahkan hartanya sebanyak dua ratus ribu dirham.

Menunaikan solat secara berjemaah di masjid merupakan amalan sunat yang diberatkan oleh Rasulullah SAW kepada para lelaki. Sepanjang hidup, Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh kepada para sahabat baginda dengan melazimi solat lima waktu secara berjemaah di masjid. Oleh itu, para sahabat sentiasa memastikan diri mereka tidak meninggalkan amalan ini dan dilakukan secara berterusan, walaupun setelah kewafatan Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, para sahabat tetap manusia biasa yang adakalanya lalai dan terleka.

Sebagai contoh, pada suatu hari Saidina Umar RA telah terlepas menunaikan solat Asar secara berjemaah lantaran sibuk menguruskan kebunnya. Beliau bergegas pergi ke masjid setelah selesai pekerjaannya, namun malang sekali kerana solat berjemaah di masjid sudah selesai. Saidina Umar AS berasa sangat bersalah dan berdukacita kerana kelalaiannya terlepas solat jemaah tersebut. Demikian itu, Saidina Umar telah mendermakan kebunnya yang bernilai 200,0000 dirham sebagai hukuman ke atas dirinya sendiri. Jumlah sedekah tersebut bukan sedikit tetapi beliau menganggap kebun tersebut telah menjadikan dirinya lalai dan tidak mahu mengulanginya lagi.

## Beribadah Sepanjang Malam dan Memerdekakan hamba

ابن عمر رضي الله عنهما كان إذا فاتته صلاة ف جماعة أحيأ تلك الليلة كلها، وأخر ليلة صلاة المغرب حتّ طلع كوكبان فاعتق رقبتيّ مع أن وقت الصلاة ل يخرج.

(Muhammad Nasruddin, 1432H)

**Terjemahan:** Ibn Umar biasa berjaga malam tanpa tidur jika dia terlepas melaksanakan solat secara berjemaah. Dia juga pernah terlewat solat Maghrib sehingga kelihatan dua bintang di ufuk. Oleh itu, dia memerdekakan dua orang hambanya walaupun waktu solat masih belum tamat.

Bukan Saidina Umar RA seorang yang memberikan hukuman kepada diri sendiri sekiranya terlepas solat secara berjemaah. Amalan menghukum diri ini juga dilakukan oleh Ibn Umar. Ibn Umar akan mendenda dirinya sendiri dengan melakukan ibadah sepanjang malam tanpa tidur walau sejenak sekiranya dia terlepas solat secara berjemaah di masjid. Bukan itu sahaja, beliau juga telah memerdekakan dua orang hamba miliknya kerana pada suatu hari beliau pernah terlewat mengerjakan solat Maghrib walaupun pada ketika itu waktu solat masih bersisa, iaitu masih dalam zon waktunya. Hukuman-hukuman ini membuktikan betapa beliau menitikberatkan solat (Al-Ghazali, 1998).

## Berpuasa dan Bersedekah

قَالَ ابْنُ أَبِي حَاتِمٍ: حَدَّثَنَا أَبِي حَدَّثَنَا حَزْمَةُ: سَمِعْتُ ابْنَ وَهْبٍ يَقُولُ: نَذَرْتُ أَنِّي  
كُلَّمَا اغْتَبْتُ إِنْسَانًا أَنْ أَصُومَ يَوْمًا فَأَجْهَدَنِي فَكُنْتُ أَغْتَابُ وَأَصُومُ، فَتَوَيْتُ أَنِّي  
كُلَّمَا اغْتَبْتُ إِنْسَانًا أَنْ أَتَصَدَّقَ بِدِرْهِمٍ فَمِنْ حُبِّ الدَّرَاهِمِ تَرَكْتُ الْغَيْبَةَ.

(Syamsuddin, 2006)

**Terjemahan:** Aku bernazar setiap kali aku mengumpat seseorang aku akan berpuasa sehari, namun begitu perkara (nazar-berpuasa) itu mengalahkanku, jadi aku masih mengumpat dan aku perlu berpuasa (sebagai hukumannya). Jadi, aku niat pula iaitu apabila aku mengumpat seseorang aku akan bersedekah satu dirham, disebabkan aku cintakan akan dirham, maka perkara itu telah menghalang aku dari mengumpat.

Perasaan marah merupakan sebuah emosi yang ada pada setiap manusia. Perasaan marah yang tidak terkawal akan membawa kepada tindakan yang tidak rasional. Rasulullah SAW juga telah bersabda: “Bukanlah orang yang kuat itu yang pandai bergusti, tapi orang yang kuat adalah orang yang dapat menahan nafsunya ketika ia marah.” (Al-Bukhari; 5694). Para sahabat sangat menjaga diri mereka daripada dikawal oleh sifat marah disebabkan oleh sabda Rasulullah SAW ini. Sebagai contoh di atas, Ibn Wahab telah mewajibkan dirinya berpuasa setiap kali dia didatangi perasaan marah kepada seseorang. Puasa dapat melenturkan nafsu yang bermaharajalela dalam diri individu. Perut yang kosong menyebabkan seseorang menjadi lemah dan seterusnya perasaan marah akan hilang. Tambahan lagi, antara amalan *mu'aqabah* yang diamalkan oleh Ibn Wahab ialah bersedekah setiap kali dia mengumpat seseorang.

Allah SWT telah menegaskan perihal mengumpat umpama memakan daging saudara sendiri sepertimana yang termaktub dalam surah al-Hujurat ayat 12. Perumpamaan memakan daging saudara sendiri ini sengaja Allah SWT tampilkan bagi menggambarkan betapa jijiknya perbuatan itu. Oleh hal yang demikian, Ibn Wahab telah menghukum dirinya dengan menderma duit setiap kali dia mengumpat. Beliau telah meninggalkan perbuatan mengumpat kerana kecintaan yang besar terhadap duit dan tidak mahu menghabiskannya.

Daripada kisah-kisah tersebut, kita dapat lihat bahawa para sahabat Rasulullah SAW dan ulama mempunyai cara tersendiri untuk menghukum diri sendiri apabila berasa tidak senang kerana tidak sempurna dalam beribadat walaupun ibadah tersebut bukan dalam kategori ibadah wajib. Kita boleh mengambil contoh dan melakukan perkara yang sama apabila melakukan maksiat secara sengaja atau tidak sebagai bayaran dengan harapan Allah SWT memberikan keampunan dan keberkatan kepada kita.

Amalan *mu'aqabah* ini dilihat penting untuk diamalkan sebagai satu disiplin diri terhadap kesalahan yang dilakukan. Orang awam yang imannya berada pada tahap yang biasa, amalan ini dilakukan bagi mendenda diri agar tidak mengulangi kesilapan yang sama yang pada dasarnya para sahabat dan ulama' mengaplikasikan amalan ini ketika mereka tertinggal ibadah sunat.

## PENGAPLIKASIAN MU'AQABAH DALAM RUNDINGCARA PERKAHWINAN

Menurut Barker (1984), perundingan perkahwinan ialah satu proses memberi nasihat dan bimbingan profesional. Ia mengandungi maklumat, amaran, dan pendapat untuk membantu klien mengenal pasti alternatif dan membincangkan kebaikan dan keburukan alternatif yang dipilih (Siti Zalikhah, 2002). Unit perundingan perkahwinan merupakan salah satu unit yang diletakkan di bawah jabatan agama Islam yang wujud di setiap negeri di Malaysia. Unit ini berperanan untuk memberi khidmat nasihat kepada mereka yang menghadapi konflik, terutamanya antara suami dan isteri.

Sebelum pasangan suami isteri membuat keputusan muktamad, mereka digalakkan untuk menghadiri sesi perundingan untuk berdamai dengan harapan mereka akan mengubah fikiran mereka tentang perceraian. Perundingan ini akan dikendalikan oleh pegawai yang dikenali sebagai pegawai runding cara. Pegawai runding cara bertindak sebagai kaunselor untuk meminjamkan telinganya, memerhatikan tingkah laku pasangan, memberikan panduan untuk menarik klien ke jalan yang betul dan melontarkan pelbagai nasihat yang baik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Pengkaji telah menemubual enam orang pegawai runding cara perkahwinan di enam buah pejabat agama di Kelantan. Soalan berkisarkan kefahaman mereka tentang definisi *mu'aqabah*, jenis-jenis kesalahan yang boleh ditebus dengan *mu'aqabah*, contoh-contoh *mu'aqabah* dan kepentingan amalan *mu'aqabah* dalam mengharmonikan perhubungan suami isteri sekiranya dilanda ujian.

Dalam penyelidikan kualitatif, proses memilih peserta kajian bukanlah sesuatu yang mudah kerana pengkaji perlu menyatakan apa, di mana, bila dan siapa yang perlu ditemu ramah. Sampel bertujuan digunakan untuk memahami sesuatu dengan mencari individu atau latar belakang yang mampu mewakili kepelbagaian dalam fenomena tersebut (Patton, 2001; Lincoln & Guba, 1985). Pemilihan peserta kajian berdasarkan kepada had masa, kebenaran untuk mengakses, tempat menjawab soalan kajian, dan kerjasama untuk ditemu bual serta dapat memberi maklumat yang diperlukan secara mendalam (Merriam, 2009; Mason, 2002; Patton, 2001; Miles & Huberman, 1994).

Kajian ini diadakan di enam buah jajahan di Kelantan, iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh, Bachok, Tanah Merah, Tumpat dan Machang. Di Kelantan, unit perundingan perkahwinan dikendalikan oleh pegawai yang memegang portfolio sebagai pegawai dakwah. Mereka juga bertindak sebagai pegawai perunding cara perkahwinan yang menyelesaikan isu-isu berkaitan rumah tangga sebagai usaha untuk mendamaikan antara suami dan isteri. Pejabat agama di Daerah Kota Bharu tidak mempunyai pegawai Dakwah, tetapi dipanggil sebagai pegawai khidmat nasihat. Namun di daerah selain Kota Bharu, sesi perundingan tidak semestinya dikendalikan oleh pegawai dakwah, tetapi dua lagi pegawai yang boleh mengambil kes dipanggil pegawai agama daerah dan pegawai penguatkuasa.

**Jadual 1** Demografi Peserta Kajian

Peserta kajian	Jantina	Umur	Bilangan tahun dalam perkhidmatan	Gred	Latar belakang pendidikan agama	Tahap pendidikan tertinggi	Bilangan kes yang pernah dikendalikan
1	Lelaki	39	15 tahun	S44	Sarjana Muda Usuluddin, Universiti Malaya	Ijazah	1200
2	Perempuan	42	19 tahun	S44	Sarjana Muda Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia	Ijazah	2000
3	Lelaki	49	11 tahun	S44	Sarjana Bahasa Arab dan Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia	Master	1500
4	Lelaki	37	1 tahun	S41	Sarjana Pengajian Islam	Master	150

5	Lelaki	33	6 bulan	S41	Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia	Ijazah	26
6	Lelaki	40	4 tahun	S41	Doktor Falsafah Pengajian Islam	Ijazah Kedoktoran	600

### KEFAHAMAN TENTANG KONSEP *MU'AQABAH*

Dua daripada mereka memahami dengan jelas tentang konsep *mu'aqabah* daripada enam orang pegawai runding cara. Ini dapat dilihat melalui jawapan mereka yang tepat berdasarkan konsep ini. Peserta kajian 1 mengatakan *mu'aqabah* merupakan konsep hukuman yang dikenakan ke atas diri sendiri jika melakukan kesalahan atau terlepas sesuatu kebaikan yang kita cintai. Beliau berkata amalan *mu'aqabah* ini dilakukan oleh para sahabat apabila tertinggal amalan sunat.

*"Nabi kata ashaabi kannujum. Boleh kita jadikan panduan. Konsep ni kita menghukum diri sekiranya melakukan kesalahan atau pun kita meninggalkan benda baik yang kita sayang. Contoh sahabat nabi yang tinggalkan solat secara berjemaah. Kita sekarang ni kalau kita amal, sangat baik."*

(Peserta kajian 1)

Bagi peserta kajian kedua, beliau menjelaskan konsep *mu'aqabah* bukan sahaja dilakukan apabila melakukan kesalahan atau dosa terhadap pasangan tetapi juga apabila seseorang itu berasa bersalah terhadap pasangannya kerana telah mengguris perasaan dengan perbuatan. Sebagai contoh, seorang suami yang berpoligami sepatutnya tidak berdosa tetapi dia berasa bersalah kerana telah menyakiti perasaan isteri pertama.

*"Cara nak hukum diri, tebus balik. Pentinglah juga. Seperti berpoligami. Apabila bekehwin lain, suami baru sedar kebaikan isteri pertama. Bila isteri kedua nampak perubahan suami, terus cakap isteri pertama dah bomohkan. Sebenarnya bukan, tapi kebanyakannya begitu, si suami hanya akan sedar apabila orang baru yang dia nikahi tidak boleh menandingi kebaikan, kesabaran isteri pertama. Jadi suami tersebut, kalau rasa bersalah dengan isteri pertama, tebus balik dengan belanja isteri pertama makan, berbuat baik dan sentiasa berkomunikasi dengan baik."*

(Peserta kajian 2)

Peserta kajian 3 pula mengatakan dengan konsep *mu'aqabah*, seseorang akan menggandakan kebaikan yang telah sedia dilakukan dan menebus balik kesalahan seperti mengeluarkan wang untuk belanja anak dan isteri makan yang sebelumnya si suami sering melebihkan orang luar seperti rakan taulan.

*"Kena ganda balik dan tebus kesalahan semula. Cara tebus balik, belanja anak bini makan. Kalau selama ni dia hanya belanja kawan."*

(Peserta kajian 3)

Peserta kajian 5 juga menyatakan perkara yang sama. Beliau berpendapat hukuman itu mestilah dilakukan untuk memberikan kesedaran kepada orang yang melakukan kesalahan. Selain itu, beliau memberikan contoh yang sama tentang sahabat nabi yang mengamalkan *mu'aqabah* kerana tertinggal solat Asar berjemaah, iaitu Saidina Umar RA bersedekah sebuah kebun bernilai 200 ribu dirham. Contoh lain ialah sahabat memberikan sedekah kepada Rasulullah SAW sebuah kebun kurma kerana lalai dalam solat lantaran melihat seekor burung. Perkara yang paling penting tentang pelaksanaan *mu'aqabah* ialah menghukum diri yang selari dengan Syariat akan tetapi tidak terlalu melampau seperti amalan Syiah yang ekstremis. Ini seperti yang dikatakan peserta kajian keempat:

*“Hukum diri bila buat dosa atau apabila terlepas perkara sunnah. Hukum diri supaya lain kali kita lebih berhati-hati. Seperti Saidina Umar yang terlepas solat asar secara berjemaah jadi dia hadiahkan sebidang tanah yang nilainya 20 ribu dirham sebagai hukuman terlepas solat asar berjemaah. Contoh lain seorang sahabat lalai dengan seekor burung ketika solat menyebabkan hati dia lagho. Lepas dari tu dia wakafkan kebun tamar dia kepada rasulullah. Jadi mu’aqabah ni kita hukum diri bagi perkara harus dalam syarak. Ada jenis mu’aqabah yang bagi mudharat pada diri seperti syiah yang cederakan diri kerana meratap kematian saidina husain.”*

(Peserta Kajian 5)

Manakala, peserta kajian keenam meletakkan konsep *mu’aqabah* sebagai satu ajaran yang boleh seorang suami mengajari isterinya. Sebagai contoh, apabila si isteri melakukan kesalahan, si suami memerintahkan isterinya untuk mnegeuarkan sejumlah wang untuk bersedekah. Ini akan menyebabkan isteri menjadi lebih berhati-hati supaya tidak kerap mengeluarkan duit. Kaedah ini lebih baik daripada seoang suami yang suka melafazkan taklik seolah-olah sebagai satu ugutan apabila isterinya melakukan kesalahan iaitu terus jatuh talak sekiranya mengulangi kesilapan yang sama.

*“Ini konsep untuk kebaikan. Ada yang mulut celupar dan suka mengumpat. Menjadikan kekecohan dalam keluarga. Suami tak puas hati dengan isteri suka bawa mulut. Cuba kita berjanji kalau buat satu kesalahan, sedekah dua ringgit. Jadi bila ‘bermain’ dengan duit berulang-ulang maka isteri dia boleh berhenti. Sebab dia bernazar. Ada sesetengah orang suka bermain dengan taklik. Tukar, jangan terus buat begitu. Tukar kepada kalau buat kesalahan, bersedekah. Bukan kalau buat kesalahan, jatuh cerai taklik.”*

(Peserta kajian 6)

*Mu’aqabah* dilaksanakan untuk memberi kesedaran agar tidak mengulangi kesalahan yang sama ada kesalahan terhadap Allah SWT mahupun terhadap manusia. Hukumannya mestilah amalan yang baik seperti solat malam, puasa, bersedekah dan sebagainya yang dibenarkan oleh syarak. Melalui temu bual yang dijalankan, dua daripada pegawai runding cara memahami dengan baik konsep ini.

## **TUJUAN MENGAMALKAN MU’AQABAH DALAM HUBUNGAN SUAMI ISTERI**

Peserta kajian 1 berkata *mu’aqabah* adalah penting sebagai balasan daripada kesilapan yang dilakukan. Dengan bersedekah dalam bentuk wang, seseorang akan melihat betapa besar kesalahan yang telah mereka lakukan terhadap pasangannya.

*“Supaya kita nampak akibat yang kita buat. Contoh kita bayar RM200 kalau tinggal solat. Jadi kita rasa besar yang kita tinggal ni. Dalam konsep suami isteri, apabila kita tak buat kewajipan, kita bayar. Maka kita nampak besarnya nilai kesalahan yang telah kita lakukan.”*

(Peserta Kajian 1)

Pendapat beliau sama dengan pemahaman peserta kajian 6. Orang yang melakukan kesilapan akan berhenti melakukannya kerana tidak mampu lagi untuk mengeluarkan wang dengan membuat hukuman melibatkan perbelanjaan wang.

*“Jadi bila melibatkan duit dan berulang kali berlaku maka dia boleh berhenti. Sebab dia dah bernazar kalau buat lagi akan kena keluarkan duit.”*

(Peserta Kajian 6)

Peserta kajian 2 berpendapat bahawa amalan *mu’aqabah* perlu bagi menebus kesalahan namun beliau menegaskan untuk tidak membebaskan pasangan yang telah melakukan kesalahan dengan menebus kesalahan secara bersederhana jika melibatkan wang dan mengikut kemampuan kerana dibimbangi mengakibatkan perasaan negatif dan menjadikan situasi lebih buruk.

*“Untuk tebus kesalahan tapi jangan sampai membebaskan pasangan. 10 kali meraajuk, 10 kali beli hand bag, bersederhana. Jangan sampai berterusan. Bimbang suami akan boring dan tak mahu dah pujuk. Saya jarang guna konsep ni. Mungkin lepas ni kita boleh tambah. Orang buat buruk kat kita, jangan balas balik. Kalau orang buat baik, balas dengan kebaikan.”*

(Peserta kajian 2)



Bagi peserta kajian 3, beliau mengutarakan pandangannya terhadap matlamat amalan mu'aqabah ialah kesalahan yang dilakukan tidak menghantui diri kemudian hari. Apabila seseorang menyesal, menghukum diri dan bertaubat serta tidak mengulangi kesalahan yang sama, dia tidak akan berhadapan dengan kifarlah di mana dia berkemungkinan menghadapi situasi yang sama di kemudian hari. Peserta kajian 3 telah mendatangkan contoh kesalahan yang dilakukan terhadap seorang ibu sebagaimana yang telah berlaku kepada salah seorang klien beliau. Begitu jugalah keadaan yang perlu dilakukan terhadap pasangan iaitu segera menyedari kesilapan dan menebusnya supaya tidak dihimpit dosa sepanjang hidup.

*"Mungkin kita boleh tengok cerita derhaka kepada ibu. Contoh cerita seorang jurutera dia gaji mahal. Dia cerita benda ni. Semasa kecil dia pakai seluar jeans, mak dia tolong basuh. Rendam Clorox dan seluar dia luntur. Dia marah kepada mak dia. Lepas dia bekerja, rezeki dia dapat tak pernah cukup. Pada suatu hari, dia dengar ceramah bahawa kalau mak ayah terasa hati dengan kita, maka hidup kita tak berkat. Bila dia dengar, dia teringat benda ni. 17 tahun dia tak balik raya. Lepas dengar cerita ni, dia balik. Mak dia tanya kenapa tak balik, mak dah maafkan. Tapi dia kata mak tak maafkan lagi sebab dia selalu tak cukup duit. Mulanya mak dia menafikan. Tapi lastnya mak dia mengaku. Mak dia kata mak dia tak halalkn susu. Dia minta maaf seungguh-sungguh dan mak dia terima. 3 hari dia duduk rumah mak dia. Lastly, mak dia maafkan. Dia juga ada seorang anak. Bila dia balik, anak dia minta maaf pada dia pula. Lepas dari tu, dia baik dengan mak dia. Biasa kita cerita benda-benda begini secara tak langsung. Biasanya juga kalau pasangan sedar kesilapan, dia akan tebus balik."*

(Peserta kajian 3)

Peserta kajian 4 pula menjelaskan matlamat *mu'aqabah* ini supaya berlakunya komunikasi dua hala yang baik antara pasangan supaya tidak ada syak wasangka. Jika sebelum ini si suami merupakan seorang yang tidak suka bercerita dan kerap mengenenipkan isteri dalam segenap hal, *mu'aqabah* perlu diamalkan dengan berubah menjadi seorang yang mengutamakan isteri supaya si isteri tidak mencari lelaki lain untuk mendapat perhatian.

*"Kena ada penjelasan dan komunikasi dengan isteri. Kalau tak share, tanggapan negatif yang berlaku. Isteri pula akan terdedah dengan lelaki lain. Kalau suami explain elok-elok, terus-terang."*

(Peserta kajian 4)

Selain daripada itu, peserta kajian 5 mengatakan bahawa matlamat *mu'aqabah* untuk mendidik dan menundukkan nafsu. Nafsu perlu dikekang dengan melakukan amal kebaikan kerana nafsu sentiasa membenci perkara-perkara yang baik. Hukum diri sehingga nafsu dapat dikawal dengan baik dan tidak menguasai manusia.

*"Baiki diri dan tarbiah nafsu untuk kekang nafsu. Kawal nafsu dengan menghukum. Puasa tu cara menghukum dan juga bagi sedekah. Perkara yang nafsu tak suka semua tu. Solat malam. Setiap kali buat salah, hukumlah nafsu dengan puasa, solat, sedekah. Sebenarnya nafsu ni, tok guru saya bagitahu cara nak kekang. Ibarat seperti budak yang tak tahu apa. Dia tak tahu mudharat dan manfaat kepada dia. Dia bermain di jalanan, kereta pergi mari. Kalau kita tak bagitahu, dia tak tahu. Nafsu begitulah juga. Kita kena ajar, kekang, kawal. Contoh bab makan, nafsu nak makan banyak dan sedap. Tapi kita sebagai tuan, kena kawal. Makan ada hadnya."*

(Peserta kajian 5)

## **KESALAHAN-KESALAHAN YANG DAPAT DITEBUS DENGAN MU'AQABAH**

Pegawai runding cara mempunyai pengalaman bertahun-tahun dalam mengendalikan sesi perdamaian antara suami isteri. Terdapat pelbagai isu dan masalah yang menjadi penyebab kepada pergolakan rumah tangga. Justeru, soalan seterusnya yang dikemukakan kepada mereka ialah contoh kesilapan suami isteri yang boleh dibersihkan dengan mengamalkan *mu'aqabah*.

### **Pengabaian Tanggungjawab**

Peserta kajian 1, peserta kajian 3, peserta kajian 4 dan peserta kajian 5 mengatakan, kebanyakan kesalahan yang dilakukan dalam rumah tangga apabila si suami telah mengabaikan tanggungjawab dengan tidak memberikan nafkah yang sepatutnya kepada isteri mereka. Peserta kajian 1 berkata:

*“Dalam rumahatangga apabila suami tidak bagi nafkah kepada isterinya. Kalau ada konsep mu’aqabah, akan jadi lebih baik. Ada kesan positifnya.”*

(Peserta Kajian 1)

Peserta kajian 3 juga menyebut pengabaian tanggungjawab.

*“Pengabaian tanggungjawab.”*

(Peserta Kajian 3)

Peserta kajian 4 mengatakan tidak memberikan nafkah.

*“Tak bagi nafkah biasanya. Di pihak suami.”*

(Peserta Kajian 4)

Peserta kajian kelima juga mengatakan perkara yang sama iaitu:

*“Gagal istiqamah dalam bagi nafkah pada anak-anak dan isteri.”*

(Peserta Kajian 5)

Soalan seterusnya berkisar tentang kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan oleh suami isteri yang boleh ditebus dengan mempraktikkan *mu’aqabah*. Antara jawapan yang diberikan ialah kesalahan yang melibatkan layanan, penderaan dan mengumpat.

### **Penderaan Fizikal dan Emosi**

Peserta kajian 1 menyebut, isteri kurang melayan suami sehingga suami berasa diabaikan dan tidak dihormati. Katanya:

*“Contoh isteri pula, kurang layanan kepada suami.”*

(Peserta Kajian 1)

Terdapat juga kes-kes penderaan oleh suami terhadap isteri.

*“Suka pukul isteri sehingga memudaratkan.”*

(Peserta Kajian 4)

Pengabaian emosi juga melibatkan keadaan di mana suami isteri suka mengumpat tentang mereka yang menyebabkan pasangan berasa aib.

*“Suka mengumpat tentang suami atau isteri sehingga pasangan rasa malu dan aib.”*

(Peserta Kajian 6)

### **JENIS-JENIS HUKUMAN**

Soalan terakhir yang diutarakan kepada pegawai runding cara tentang *mu’aqabah* berkaitan jenis hukuman yang wajar diamalkan oleh suami isteri yang secara sengaja atau tidak melakukan kesalahan terhadap pasangan mereka. Antara jawapan yang diberikan ialah mengeluarkan sedekah, berpuasa, belanja pasangan makan dan memberikan lebih wang nafkah.

#### **Bersedekah**

Peserta kajian 1 mengatakan suami yang memukul isteri hendaklah bersedekah RM200 setiap kali melakukan kesalahan tersebut. Ini sama seperti pandangan peserta kajian 4 dan 6.

*“Bayar RM200 apabila memukul isteri.”*

(Peserta Kajian 1)

## Berpuasa

Selain daripada itu, peserta kajian 1 dan 6 berpendapat antara amalan *mu'aqabah* yang boleh dilakukan ialah dengan melakukan ibadah puasa.

*"Berpuasa sekiranya tidak melayan suami dengan baik."*

(Peserta Kajian 1)

Peserta kajian 6 percaya puasa boleh mengekang nafsu dan menjadikan seseorang lebih baik.

*"Boleh amalkan puasa untuk mengekang nafsu."*

(Peserta Kajian 6)

## Belanja Makan

Peserta kajian 2 dan 3 berpandangan, kesalahan juga boleh ditebus dengan membelanja makan pasangan supaya perasaan gembira timbul dan memaafkan kesalahan yang telah dilakukan.

*"Jadi dari segi buat salah, belanja makan. Tapi jangan sampai bebankan pasangan."*

(Peserta Kajian 2)

Ada juga segelintir suami yang kerap belanja makan kawan-kawan sekerja atau teman baik. Justeru, sekiranya melakukan kesalahan terhadap isteri, hukumlah diri dengan belanja anak dan isteri makan di luar.

*"Kena ganda balik dan tebus kesalahan semula. Cara tebus balik, belanja anak bini makan. Kalau selama ni dia hanya belanja kawan."*

(Peserta Kajian 3)

## Memberikan Lebih Nafkah:

Peserta kajian 5 berpendapat, dengan memberikan lebih wang nafkah boleh dijadikan satu amalan untuk menebus kesalahan.

*"Kalau dalam rumah tangga, curang atau abai nafkah. Contoh dah kahwin 5 tahun, tiba-tiba dapat durian runtuh, dia bagi RM1000 sebulan sebelum ni RM100 je. Dia nak cover balik 5 tahun yang dah lalu."*

(Peserta Kajian 5)

## KESIMPULAN

Hukuman diri (*mu'aqabah*) yang dilakukan oleh para sahabat menjadi salah satu kaedah untuk mengajar diri mereka untuk mewajibkan ibadat sunat sehingga mereka berasa bersalah meninggalkannya. Semua hukuman yang diambil oleh mereka bertujuan untuk menebus kesilapan dan mengubati rasa bersalah. Dengan itu, dapat dikatakan bahawa *mu'aqabah* ialah usaha mendidik manusia dalam mentaati perintah dan menjauhi larangan Allah SWT serta membentuk peribadi yang mulia, berjiwa bersih dan menggapai kerohanian yang sempurna. Hasil daripada amalan para sahabat ini, elemen ini sudah pasti merupakan salah satu cara penyucian jiwa yang efektif. Justeru, dalam konteks kehidupan berumah tangga, amalan ini cukup baik untuk dilaksanakan apabila secara sengaja atau tidak melakukan kesilapan terhadap pasangan. Amalan seperti ini akan menebus kesalahan dan mengembalikan kehangatan cinta dan sebagai salah satu kaedah memohon maaf.

Dua daripada enam pegawai runding cara telah menerapkan elemen ini dalam sesi kaunseling bersama pasangan suami isteri. Walaupun empat daripada mereka tidak

mengenegahkan elemen ini dalam sesi runding cara yang mereka kendalikan, namun melalui jawapan yang diberikan oleh mereka, kajian ini mendapat terdapat contoh-contoh yang relevan tentang kesalahan-kesalahan yang dilakukan pasangan suami isteri seperti mengabaikan tanggungjawab, memukul isteri, curang, dan mengumpat pasangan sendiri. Mereka juga memberi contoh yang wajar tentang contoh hukuman yang boleh dikenakan seperti membelanja makanan untuk pasangan, memberi wang lebih, berpuasa, bersedekah dan mengerjakan solat sunat.

Kajian ini melihat secara tidak langsung pegawai runding cara mendapat idea baru dan kaedah yang bersesuaian untuk dijadikan bahan kaunseling dalam sesi runding cara bersama pasangan suami isteri yang bermasalah. Mereka mengakui elemen ini sesuai untuk dijadikan amalan dalam kehidupan berumah tangga bagi menjernihkan kembali hubungan suami isteri. Justeru, diharapkan konsep *mu'aqabah* lebih dikenali dalam masyarakat bagi meneruskan kelestarian hidup yang bermakna.

## RUJUKAN

### Al-Quran

- Abdullah Nasih Ulwan. (2019). *Jalan Menuju Ketaqwaan*. Sungai Buloh: Santai Ilmu Publication.
- Ahmad Bashir Aziz. (2015). *Pengurusan Islam alternatif pengurusan moden*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad Bin Muhammad. (1998). *Ihya' 'ulum al-din* Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Barker, R.L. (1984). *Treating Couples in Crisis: Fundamentals and Practice in Marital Therapy*. New York: Collier Macmillan Publishers.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid (2016). Proses *Murabatah Al-Nafs* Menurut Perspektif Al-Ghazali Bagi Membangunkan Individu Seimbang Dan Holistik. *Jurnal AL-ANWAR*, 2(2), 173-187.
- Mardzelah Makhsin et al. (2012). *Hisbah Pembelajaran Kendiri dalam Pendidikan Islam*. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(1), 45-60.
- Mardzelah Makhsin. (2008). *Hisbah: Sistem Pengawasan Dan Etika Pengurusan Islam*, Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali & Hanit Osman. (2012). *Kaunseling Dalam Islam*. Cet ke-2. Negeri Sembilan: Penerbit USIM (Universiti Sains Islam Malaysia).
- Muhammad bin Ismail al-Bukhari. (1997). *Soheh al-Bukhari*. Saudi: Ministry of Awqaf, Islamic Affairs, Da'wah and Guidance.
- Muhammad Nasruddin. 2010. *Faslu al-Khattab fi az-Zuhdi wa ar-Raqaiq wa al-Adab*. T.P.
- Syamsuddin Abu Abdullah. 2006. *Siyar A'lam an-Nubala'*. Darul Hadith. Kaherah
- Siti Zalikah Md. Nor. (2002). *Kaunseling Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.